



Selamatkan Sungai Linggi

Kerajaan negeri wujud jawatankuasa khas kaji cara tangani pencemaran

Oleh Mohd Amin Jalil

SEREMBAN: Sudah terhantuk baru terngadah! Itulah sikap majoriti manusia, kelim kabut mencari penyelesaian apabila sesuatu keadaan menjadi semakin parah, separah keadaan sesetengah sungai di negara kita yang kian tercemar teruk, semuanya angkara manusia.

Tanpa sebarang rasa bersalah, sampah sarap, sisa makanan, malah najis juga dibuang ke sungai yang sepatutnya dipastikan bersih kerana ia sumber air untuk kegunaan kita sendiri.

Daripada keadaan air jernih, kini bertukar hitam, dasarnya yang puluhan tahun lalu boleh dilihat dengan mata kasar, kini dipenuhi sampah sarap, malah ada sistem saliran yang berbau busuk menusuk hidung.

Nasib inilah yang dialami Sungai Linggi yang merentangi Negeri Sembilan sehingga dilabel antara sungai paling kotor di negara ini akibat sikap manusia membuang bahan pepejal dan segala kotoran.

Dalang utamanya pihak yang ada di sepanjang sungai itu, sama ada dalam bentuk penempatan atau premis perniagaan, sedangkan air dari saliran itu adalah pembekal utama air mentah bagi

kira-kira 400,000 penduduk daerah ini.

Kajian yang dilakukan mendapati sungai berkenaan tercemar teruk dengan pelbagai kotoran dan sampah sarap berpunca daripada sistem kumbahan tidak sempurna selain perbuatan membuang sampah sarap.

Tinjauan *Berita Harian* mendapati sungai itu terlalu kotor, dipenuhi lumpur, airnya keruh serta berwarna kemerahan sehingga boleh menyebabkan sesiapa pun jijik melihatnya.

Struktur Sungai Linggi yang bersambung dengan Sungai Temiang juga dikenali pasti punca pencemaran itu kerana Sungai Temiang di tengah bandar ini menjadi tempat pembuangan bahan pepejal sukar dikawal.

Malah, Sungai Temiang juga menjadi saluran pengaliran bahan kotoran, sisa ikan, ayam, daging dan sayur-sayuran dari Pasar Besar Seremban sebelum mengalir terus ke Sungai Linggi.

Menyedari hakikat itu, kerajaan negeri melalui kepimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, mengambil langkah drastik mewujudkan jawatankuasa khas mengkaji pencemaran Sungai Linggi.

Jawatankuasa berkenaan diketuai Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar dan Sumber Manusia negeri, Datuk Peter



“Usaha yang sedang dirancang bukan saja membabitkan kerja menaik taraf kawasan di tepi sungai, malah kempen kebersihan di kalangan penduduk bandar ini”

Peter Lai Yit Fee

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar dan Sumber Manusia Negeri Sembilan

Lai Yit Fee dibentuk untuk menangani pencemaran sungai berkenaan dan mengelak keadaan bertambah serius.

Mohamad berkata, jawatankuasa itu akan mengkaji bentuk tindakan yang perlu diambil bagi mengatasi masalah pencemaran sungai terbabit yang airnya kini terlalu kotor.

“Usaha akan dilaksanakan menerusi kerja pembersihan berterusan dan menentukan tiada lagi aktiviti pembuangan sisa di sungai itu,” katanya.

Jawatankuasa turut dianggotai Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu juga diminta melaksanakan program pembersihan, termasuk memperbaiki sistem perparitan.

Mohamad pernah melahirkan kekesalannya dengan sikap sesetengah pihak yang membuang sisa pepejal dan sampah sarap ke dalam sungai berkenaan sehingga mencemarkan air dan persekitarannya.

“Sikap tidak bertamadun itu menjejaskan kepentingan ramai. Mereka sanggup mencemarkan air yang menjadi sumber harian, sepatutnya kita tidak membuang sampah dan kotoran ke sistem saliran supaya air sentiasa bersih,” katanya.

Sementara itu, Lai berkata, pihaknya

sedang mengumpul maklumat dari agensi berkaitan untuk membolehkan usaha pembersihan dan pengindahan sungai berkenaan dilaksanakan secepat mungkin.

Beliau berkata, kawasan di sepanjang sungai yang dikenal pasti paling kotor ialah Temiang, Lobak dan Rasah yang menjadi punca pencemaran Sungai Linggi.

“Ini kerana, tanggungjawab memastikan kebersihan persekitaran bukan hanya terletak di atas bahu kerajaan semata-mata, tetapi setiap pihak harus bekerjasama,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Nilai mahu rakyat menyokong penuh usaha kerajaan mengindahkan Sungai Linggi dan memastikan tidak tercemar lagi bagi membolehkan air digunakan dengan selamat.

“Semua pihak mahu bekalan air bersih untuk diminum atau bagi keperluan harian, tetapi jika kita sanggup mengotorkan air yang menjadi punca bekalan berkenaan, ia sesuatu yang amat merugikan.

“Krisis air yang pernah melanda daerah ini perlu diambil iktibar bagi memastikan ia tidak berulang dengan semua pihak bekerjasama menjaga kebersihan sungai,” katanya.



AIR FRANCE KLM

Nikmati tambang perjalanan
pergi balik yang murah
sepanjang tahun dengan

JAKARTA
PARIS
BARCELONA
LONDON
MADRID
ZURICH

dari RM 263
dari RM 2093
dari RM 2184
dari RM 2093
dari RM 2184
dari RM 2093

klm.com.my